

FLYPAST PESAWAT HAWK SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3901-flypast-pesawat-hawk-sempena-sambutan-hari-malaysia-peringkat-wilayah-persekutuan-labuan

LABUAN, 16 Sep 18 - Sambutan hari malaysia peringkat wilayah persekutuan 2018 telah dimeriahkan lagi dengan penglibatan 3 buah pesawat Hawk yang telah membuat flypast semasa acara berlangsung.

Sambutan yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan itu terdiri daripada perarakan perbarisan lintas hormat daripada pelbagai kontigen yang dianggotai oleh peserta daripada jabatan-jabatan kerajaan dan swasta. Turut menyerikan perbarisan tersebut adalah flypast 3 buah pesawat Hawk daripada No 6 Skuadron PU Labuan. Sebanyak 4 jenis formasi telah dipertontonkan yang diketuai oleh Mej Syagol TUDM selaku pemangku Pegawai Memerintah No 6 Skuadron, Mej Nazrul Hafiz TUDM serta Mej Aizat TUDM. Tim Flypast pula terdiri daripada Staf daripada MAWILUD 2.

Flypast ini telah mencapai objektifnya serta merapatkan TUDM bersama organisasi setempat. Tahniah diucapkan.

